

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah Suruhanjaya Pengurusan Air Nasional (SPAN) mampu melaksanakan Pelan Pengurusan air yang lebih sistematik dan berkesan bagi memastikan bekalan air bersih sentiasa cukup dibekalkan kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Suruhanjaya Pengurusan Air Negara (SPAN) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia perkhidmatan bekalan air terawat dan pembedaan serta menguatkuasakan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi memastikan bekalan air sentiasa tersedia dan berkualiti kepada pengguna.
2. Dengan penguatkuasaan Akta 655, operator bekalan air dikehendaki untuk mempunyai lesen atau diberikan pemberikuasaan bagi menjalankan operasinya dan menyediakan perkhidmatan pembekalan air kepada pengguna. Melalui pemberian lesen/pemberikuasaan tersebut dan pengawalseliaan oleh SPAN, adalah diperhatikan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh operator bekalan air negeri-negeri bertambah baik berbanding sebelum Akta 655 dikuatkuasakan.
3. Di bawah Akta 655, semua operator bekalan air perlu mematuhi syarat-syarat yang telah digariskan di dalam lesen yang dikeluarkan oleh SPAN termasuklah *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan dalam Pelan Perniagaan yang merangkumi pencapaian kualiti air, kedudukan bekalan dan permintaan air (rezab margin), tahap kualiti perkhidmatan kepada pengguna dan perancangan perbelanjaan modal. Melalui KPI yang

telah ditetapkan ini, pelan pengurusan air yang lebih sistematik dan berkesan berupaya dicapai oleh operator-operator bekalan air.

4. Walau bagaimanapun, penyediaan bekalan air yang mencukupi bergantung kepada kualiti dan kecukupan sumber air mentah. Oleh itu, kerjasama pihak-pihak berkaitan dengan pengawalseliaan sumber air terutamanya Kerajaan Negeri adalah amat diperlukan bagi memastikan bekalan air yang selamat dan tersedia dibekalkan kepada rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN : 82

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang supaya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Limbang akan membina bangunan baru sendiri dan bukannya menyewa bangunan komersial seperti sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan belum mempunyai perancangan untuk membina bangunan sendiri bagi pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Limbang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan dan JPJ akan memperhalusi cadangan tersebut mengambilkira keperluan dan peruntukan kewangan sedia ada.